


TELEX: MA. 80396 HARTA

TELEGRAMS: "ACGEN KOTA KINABALU"
FAX NO: 008-212655

TELEFON: 257111 ext 3101
RUJ: JBN NO: A/3940/Vol.3/42



BENDAHARI NEGERI
WISMA KEWANGAN
BEG BERKUNCI NO. 2058
88595 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA

03 Mac 1997

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL 1 / 1997

Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha Tetap Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Negeri.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Pegawai Daerah.

Semua Bendahari Daerah.

PANDUAN MELAPORKAN TUNTUTAN INSURANS DIBAWAH SKIM INSURANS KEMALANGAN PERIBADI KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI SECARA BERKUMPULAN.

1 Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Kementerian / Jabatan bahawa Kerajaan Negeri telah melantik 2 buah Agen Insurans untuk mengendalikan Skim di atas bagi tahun 1997 dan 1998.

2 Panduan.

- 2.1. Sehubungan dengan ini maka berkuatkuasa dari tarikh surat pekeliling ini, semua Kementerian/Jabatan adalah dikehendaki melaporkan semua kes kematian/kecederaan akibat kemalangan di bawah Skim ini terlebih dahulu kepada Seksyen Akaun Utama, Jabatan Bendahari Negeri dengan segera dalam tempoh 21 hari dari tarikh kemalangan sama ada melalui nombor telefon 088 - (257111 sambungan 3105, 3111 atau talian terus 230694) atau melalui fax no. 088-212655. Jika laporan dibuat melalui telefon hendaklah disusuli dengan surat.

2/....

JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH

- 2.2 Jabatan Bendahari Negeri akan mengagihkan kes tuntutan yang dilaporkan kepada Agensi-Agenzi yang dilantik. Ini adalah untuk mempastikan Agensi-Agenzi yang dilantik menerima tanggungjawab secara adil
- 2.3 Agen yang mengendalikan kes yang telah dilaporkan oleh Jabatan Bendahari Negeri akan menghubungi Kementerian/Jabatan berkenaan dari masa ke semasa untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti berikut:-
- 2.3.1. Kes Kecederaan**
- a) Salinan Surat Perlantikan Jawatan yang terbaru.
 - b) Gambar yang jelas bagi bahagian/anggota yang tercedera.
 - c) Laporan Perubatan daripada Hospital.
 - d) Laporan Polis.
 - e) Salinan slip gaji bagi tiga bulan yang terakhir.
- 2.3.2. Kes Kematian**
- a) Salinan Surat Perlantikan Jawatan yang terbaru.
 - b) Salinan Sijil Mati.
 - c) Laporan Perubatan daripada Hospital.
 - d) Laporan Bedah Siasat jika ada.
 - e) Laporan Polis.
 - f) Salinan Slip Gaji bagi tiga bulan yang terakhir.
- 2.4. Dokumen-dokumen seperti di atas hendaklah juga diserahkan kepada Jabatan Bendahari Negeri.
- 2.5. Pihak Agen Insurans yang mengendalikan kes yang dilaporkan akan menghantar Borang Tuntutan Kemalangan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan (contoh borang tuntutan adalah seperti Lampiran A).
- 2.6. Borang tuntutan yang telah disempurnakan dan disahkan oleh Kementerian/Jabatan tersebut dengan menandatangani dan membubuh cop rasmi Jabatan hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk tindakan selanjutnya.

- 2.7. Jabatan Bendahari Negeri tidak akan bertanggungjawab ke atas kes-kes yang lambat dilaporkan, oleh yang demikian Jabatan/Kementerian berkenaan adalah dipertanggungjawabkan untuk memberi alasan-alasan munasabah sebab-sebab kelewatan kes tuntutan yang dilaporkan.

3. **Pembatalan**

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka surat pekeliling rujukan Acgen No. A/3940/Vol .2/101 bertarikh 24 September 1992 adalah dibatalkan.

4. **Kemusykilan**

Sekiranya terdapat kemusykilan terhadap isi kandungan surat pekeliling ini sila berhubung dengan Akauntan atau Penolong Kanan Akauntan Seksyen Akaun Utama pada talian telefon seperti di perenggan 2.1 di atas.

5. **Penutupan**

Segala kerjasama yang diberikan terhadap perlaksanaan Garis Panduan ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP & AMANAH



(BADRUM HJ. BANDAHARA)
Bendahari Negeri Sabah

HT/la